

## BAB VI

### MALAYSIA DALAM TUGAS PENGAMAN DI SOMALIA (1992 – 1995)

"...Bagi pihak semua Tim PBB, saya ingin menyampaikan ucapan takziah kami di atas kematian Prebet Mat Aznan bin Awang dan kami juga berdoa agar anggota yang telah tercedera akan cepat sembuh. Semasa pertempuran pada 3-4 Okt tempuhari, perajurit-perajurit saudara telah menunjukkan semangat dan keberanian yang kental. Kesanggupan mereka untuk membantu sahabat-sahabat PBB yang dalam bahaya tempuhari telah memberi erti yang mendalam kepada kami ....Perlaksanaan tugas tersebut telah menjadi contoh dan tauladan di sini. Saya tahu bahawa anda juga turut merasa bangga di atas perlaksanaan tugas yang mereka tunjukkan itu..."

Terjemahan ucapan dari Jonathan T.Howe Wakil  
Khas PBB Somalia<sup>111</sup>

#### Pengenalan.

Belum tamat lagi misi di Kampuchea, pasukan Pengaman Malaysia telah diminta berkhidmat di Somalia. Keadaan di Somalia sama juga seperti di Kampuchea dimana pertelagahan tersebut adalah akibat peperangan saudara di antara dua puak besar, iaitu satu puak menyokong Presiden Ali Mahadi Mohamed dan satu puak lagi menyokong Jeneral Mohamed Farah Aidid, Pengerusi Kongres Somalia Bersatu. Disamping itu, terdapat 15 lagi kumpulan kecil yang lengkap bersenjata mengawal beberapa bahagian di Mogadishu, ibu negara Somalia dan di beberapa kawasan di Somalia. Kumpulan-

---

<sup>111</sup> . Laporan Operasi MALBAT I Somalia, bertarikh 15 Feb 1994, di perolehi dari Cawangan Operasi dan Latihan Markas Tentera Darat, KEMANTAH, Wisma Pertahanan. Kuala Lumpur pada 23 Julai 2002.

kumpulan kecil ini juga telah mengisytiharkan ketaat-setiaan mereka dengan memihak kepada salah satu daripada dua pihak yang bersengketa tersebut.

Somalia merupakan bekas tanah jajahan Itali dan Britain dan negara tersebut telah diberi kemerdekaan pada tahun 1960 oleh pihak penjajah. Sejak mencapai kemerdekaan, negara tersebut telah bertelingkah dengan negara jirannya, Ethiopia, mengenai persempadanan negara. Bagi mengukuh kekuatan ketenteraan mereka, Amerika Syarikat dan Soviet Union telah terlibat dalam kancuh pertelagahan tersebut dengan memberi sokongan kepada salah satu puak yang bertelagah dalam melebarkan pengaruh mereka. Pada Oktober 1969, Jeneral Mohamed Siad Barre yang dibantu oleh Soviet Union telah berjaya berkuasa di Somalia. Beliau kemudiannya telah bertukar haluan dengan memberi sokongan kepada Amerika Syarikat bagi membantu pembangunan negaranya. Farah Aidid yang merupakan seorang bekas duta Somalia ke India telah mengetuai pihak tentera dan berjaya menjatuhkan Presiden Siad Barre pada awal 1991. Pada akhir Januari 1992, Kongres Kesatuan Somalia (USC) telah melantik Ali Mahdi seorang ahli perniagaan sebagai Presiden sementara selama dua tahun. Perlantikan ini telah ditentang oleh Farah Aidid, maka sejak dari itu berlakulah pertelagahan kaum di antara Farah Aidid yang mengetuai puak Darod dan Ali Mahdi pula mengetuai puak Hawiye.<sup>112</sup>

Keganasan kaum telah memuncak dan sehingga tahun 1992 dianggarkan 4.5 juta penduduknya iaitu lebih dari separuh jumlah penduduknya diancam kebuluran. Sejak dari November 1991 sehingga penugasan Pasukan Pengaman Malaysia ke Somalia,

---

<sup>112</sup> Ibid.

dianggarkan seramai 300,000 rakyatnya telah terkorban dan lebih dari 1.5 juta orang lagi sedang menghadapi maut.<sup>113</sup> Di antara bulan November/Disember 1991 dan Mac 1992 dianggarkan 30,000 rakyatnya telah mati dalam pertempuran dan 27,000 orang telah tercedera. Pada awal 1992 dianggarkan 3,000 rakyatnya yang pada kebanyakannya wanita, kanak-kanak dan orang tua telah mati setiap hari akibat kelaparan. Pada bulan Jun 1992 ia telah meningkat kepada 5,000 mati setiap hari.<sup>114</sup> Keadaan negara menjadi tidak terkawal dimana institusi kerajaan menjadi lumpuh dan rakyatnya telah mempunyai senjata persendirian, bagi melindungi diri masing-masing dan keluarganya serta digunakan untuk menyamun dan merompak barang-barang keperluan masing-masing. Dalam pada masa itu *United Nations Children's Fund* (UNICEF) dan *World Food Programme* (WFP) telah mengambil daya usaha tersendiri bagi membantu mangsa kebuluran dan kanak-kanak di negara tersebut. Walaupun dalam keadaan keselamatan yang terancam UNICEF dan WFP serta *International Committee of Red Cross* (ICRC) dan juga *non-governmental organization* (NGOs) telah meneruskan usaha memberi bantuan kemanusiaannya.

Sebelum menyerahkan kuasa sebagai Setiausaha Agung PBB, Javier Perez de Cuellar telah memaklumkan kepada Boutros Boutros-Ghali tentang perlunya sesuatu tindakan diambil oleh PBB bagi mengembalikan keamanan di Somalia. Dalam mengatasi masalah di Somalia ini, Majlis Keselamatan PBB telah berjaya memujuk kedua-dua puak besar yang bertelagah dan mengeluarkan Resolusi 733 (1992) iaitu mengharamkan

---

<sup>113</sup> . *op. cit.*, 55. D.C. Jett.

<sup>114</sup> . J.Chopra, A.Eknes dan T.Nordbo, Kertas Kerja Peacekeeping & Multinational Operation, "Fighting for Hope in Somalia", *Internet*, <http://www.jha.ac/articles/a007.htm>, *Norwegian Institute of International Affairs*, Norway, No.6.1995, hlm. 17.

penghantaran persenjataan ke negara tersebut oleh mana-mana negara di dunia ini. Dalam membantu usaha tersebut *Organization of African Unity (OAU)*, *League of Arab States (LAS)* dan *Organization of the Islamic Conference (OIC)* telah diminta oleh PBB untuk membantu usaha damai ini. Pada 3 Mac 1992 kedua-dua pemimpin yang bertelagah telah bersetuju menandatangani perjanjian gencatan senjata. Pada 17 Mac 1992 Majlis Keselamatan PBB sekali lagi telah mengeluarkan Resolusi 746 (1992) bagi meneruskan bantuan kemanusiaan dan menghantar pasukan teknikal dan seterusnya pada 24 April Majlis Keselamatan PBB sekali lagi mengeluarkan Resolusi 751 (1992) bagi menubuhkan Operasi PBB di Somalia I yang dikenali *United Nations Operation in Somalia I (UNOSOM I)*. UNOSOM I ini diberi mandat melaksanakan tugas-tugas berikut:<sup>115</sup>

1. Mengawasi gencatan senjata di Mogadishu.
2. Memberi perlindungan dan keselamatan kepada anggota PBB peralatan dan bekalan.
3. Mengiring dan melindungi penghantaran bekalan kemanusiaan ke pusat-pusat agihan.

Walaupun perjanjian gencatan senjata telah dicapai, keadaan di Somalia masih belum selamat. Pada 25 Jun 1992, kapal terbang yang disewa oleh WFP yang ditanda dengan PBB telah dituduh oleh Farah Aidid membawa wang dan persenjataan dari

---

<sup>115</sup> *op.cit.*, 111. Laporan MALBAT I Somalia.

Nairobi untuk di serahkan kepada pengikut Ali Mahdi. Farah Aidid kemudiannya telah mengarahkan agar kemasukan anggota Pengaman PBB dan bantuan kemanusiaan dihentikan. Keadaan keselamatan telah semakin buruk dan meruncing di Somalia yang mengakibatkan UNOSOM I terhalang daripada melaksanakan mandat sepenuhnya.<sup>116</sup> Pada 3 Disember 1992, Majlis keselamatan sekali lagi mengeluarkan Resolusi 794 (1992) bagi meluluskan penubuhan Pasukan Petugas Bersatu *Unified Task Force-(UNITAF)* yang diketuai oleh Amerika Syarikat untuk melaksanakan operasi bantuan kemanusiaan di Somalia dan merestui pelaksanaan Piagam VII PBB iaitu menggunakan apa cara kaedah pun bagi mengembalikan keamanan di Somalia. Di samping itu Amerika Syarikat telah menghantar 28,000 anggotanya dan mengisytiharkan operasi *Restore Hope* dilaksanakan di Somalia iaitu membuka jalan dan mengawal keselamatan pasukan bantuan kemanusiaan PBB dalam melaksanakan tugas mereka.

Pada masa yang sama, wakil khas PBB di Somalia telah berusaha berhubung dengan puak-puak bertelagah untuk dibawa ke meja rundingan. Pada 4 sehingga 15 Januari 1993, 14 buah parti politik di Somalia iaitu, *Somali Africans Muki Organization* (SAMO), *Somali Democratic Alliance* (SDA), *Somali Democratic Movement* (SDM), *Somali National Democratic Union* (SNDU), *Somali National Front* (SNF), *Somali National Union* (SNU), *Somali Patriotic Movement* (SPM), *Somali Patriotic Movement* (SPM/sna), *Somali Salvation Democratic Front* (SSDF), *Southern Somali National Movement* (SSNM), *United Somali Congress* (USC/sna), *United Somali Congress* (USC), *United Somali Front* (USF) dan *United Somali Party* (USP) telah berjaya dikumpulkan di

---

<sup>116</sup> . Ibid.

meja rundingan. Akhirnya sekali lagi, puak-puak yang bertelagah telah bersetuju untuk berdamai dan menandatangani perjanjian gencatan senjata pada 15 Mac 1993 di Addis Ababa.<sup>117</sup> Bagi melaksanakan usaha perdamaian tersebut Setiausaha Agung PBB telah mengarahkan agar UNITAF di tukar kepada UNOSOM II. Mandat pasukan Pengaman PBB juga telah diubah dengan melaksanakan Bahagian ke VII Piagam PBB yang membolehkan saiz pasukan pengaman diperbesarkan dan penguatkuasaan diperhebatkan bagi menjaga keselamatan pasukan pengaman. Mandat ini direstui dalam Resolusi Majlis Keselamatan 814 (1993) pada 26 Mac 1993.<sup>118</sup>

### **Persiapan Kontinjen.**

Setelah menerima tawaran dari PBB, Kerajaan Malaysia telah menyiapkan satu kontinjen pasukan pengaman mekanise dalam melaksanakan tugas tersebut. Penugasan pasukan mekanise ini disebabkan keadaan cuaca, bentuk muka bumi dan aspek keselamatan dari ancaman senjata kecil ke atas pasukan pengaman. Dalam penugasan pasukan pengaman di Somalia. Angkatan Tentera Malaysia telah mencipta satu lagi sejarah yang boleh dibanggakan di arena antarabangsa. Ini kerana Malaysia telah diberi penghargaan memilih seorang Jeneral menjadi Pemerintah Pasukan Pengaman PBB (UNOSOM II). Leftenan Jeneral Dato' Aboo Samah Aboo Bakar telah diamanahkan untuk memikul tugas tersebut. Beliau mengambil alih tugas dari Leftenan Jeneral Cevik Bir dari Turki pada 20 Januari 1994.

---

<sup>117</sup>. Ibid.

<sup>118</sup>. op.cit. 37. "The Blue Helmets", hlm-hlm. 287-318.

Bagi memantapkan dan menentukan keberkesanan tugas anggota kontinjen pasukan mekanise yang menganggotai MALBAT I Somalia, MALCON di letak di bawah pemerintahan Kolonel Abdul Latif Ahmad. Mereka telah mengadakan latihan medan di pangkalannya di Sungai Petani, Kedah dan beberapa kawasan latihan lain seperti di Asahan Melaka bermula 4 Januari 1993 sehingga awal Jun 1993. Kontinjen MALBAT I Somalia terdiri dari Batalion ke 19 RAMD (Mekanise) terdiri dari tiga kompeni repal (dua kompeni mekanise dan satu kompeni dari Batalion Ketujuh RAMD) beserta dengan elemen bantuan tempur dan elemen bantuan perkhidmatan. Disamping itu terdapat seramai 55 orang pegawai dan anggota tentera Malaysia yang berkhidmat sebagai staf di Markas UNOSOM II. Pengalaman penugasan di Namibia dan Congo telah banyak membantu penugasan di Somalia, ini kerana cuaca dan bentuk muka bumi di Somalia hampir serupa dengan Namibia dan Congo. Pegawai-pegawai dan pemerintah kontinjen MALBAT I Somalia telah mendapat nasihat dan pandangan dari pegawai-pegawai yang pernah melibatkan diri dalam misi PBB sebelum ini, terutamanya dari bekas pemerintah kontinjen Namibia iaitu Brigadier Jeneral Hidayat Shariff.<sup>119</sup>

Kontinjen MALBAT I Somalia tidak menghadapi masalah besar dari segi kelengkapan dan peralatan kerana batalion tersebut merupakan batalion mekanise pertama kerajaan Malaysia yang telah ditubuhkan sejak tahun 1985. Anggota batalion tersebut memang telah dilatih dari segi aspek pengendalian kenderaan kereta kebal

---

<sup>119</sup> . Temubual dengan Penolong Ketua Kompeni yang terlibat dalam peristiwa di Pasar Barkara, Somalia iaitu Leftenan Kolonel Mohd Halim bin Khalid (yang pada masa peristiwa tersebut berpangkat kapten). Temubual tersebut telah diadakan di Pejabat Urusetia RAMD, Jabatanarah Infantri, Markas Tentera Darat Pada 23 September 2003.

beroda dan peralatan tempurnya. Cuma beberapa peralatan seperti alat perhubungan dan sistem persenjataan telah ditingkatkan sedikit bagi memantapkan penugasan di misi tersebut.<sup>120</sup>

### **Perlaksanaan Tugas.**

Dari 18 Jun 1993 sehingga 8 Julai 1993, Kerajaan Malaysia telah mula menghantar seramai 870 orang anggota tentera untuk bertugas di UNSOM II. Kontinjen ini telah di tempatkan di lapangan Terbang Mogadishu. Tugas yang diterima oleh Kontinjen MALBAT I Somalia dalam membantu penugasan pasukan pengaman PBB adalah seperti berikut:<sup>121</sup>

1. Menubuhkan semula keupayaan pentadbiran tempatan.
2. Menubuhkan semula pasukan polis kebangsaan dan tempatan.
3. Menyediakan bantuan perkhidmatan kepada wanita-wanita, terutamanya kepada mangsa keganasan dan yang menghadapi truma.
4. Menguruskan mangsa pelarian sejumlah 300,000 orang dan sejumlah lebih satu juta yang kehilangan tempat tinggal.
5. Meningkatkan sistem keselamatan bantuan makanan.
6. Menubuhkan sistem asas kesihatan.
7. Meningkatkan sumber air dan sistem perkumbahan.

---

<sup>120</sup> . Ibid.

<sup>121</sup> . op.cit, 111. Laporan MALBAT I Somalia.



8. Meningkatkan perolehan pertanian dan penternakan.
9. Menyediakan pekerjaan kepada penduduk tempatan.
10. Menubuhkan semula pusat-pusat pembelajaran peringkat rendah dan latihan kemahiran.

Disamping itu tentera Pengaman Malaysia telah diberi tugas tambahan dalam penugasan-penugasan berikut:<sup>122</sup>

1. Melakukan rondaan di kawasan-kawasan tanggungjawab. Mengepung dan mengelidah di kawasan-kawasan yang diarahkan oleh pasukan pengaman PBB.
2. Mendirikan tempat-tempat pemeriksaan.
3. Menduduki kedudukan-kedudukan penting.
4. Melaksanakan operasi khas.

Tugas pengaman di Somalia tidak sunyi daripada pelbagai insiden. Walaupun perjanjian gencatan senjata telah dipersetujui oleh hampir kesemua puak yang bertelagah, namun terdapat beberapa insiden seperti serang hendap dan tembakan terhadap pasukan pengaman PBB. Kumpulan Jeneral Farah Aidid telah tidak bersetuju dengan perjanjian gencatan senjata tersebut. Insiden yang terbesar berlaku kepada pasukan pengaman ialah pada 5 Jun 1993 apabila seramai 25 tentera pengaman dari Pakistan telah terbunuh,

---

<sup>122</sup> Ibid.

sepuluh orang dilaporkan hilang dan 54 orang lagi telah mengalami kecederaan akibat serangan oleh Puak Farah Aidid di Mogadishu. Begitu juga bencana telah menimpa kepada kontinjen pasukan pengaman dari Malaysia iaitu pada 3 dan 4 Oktober 1993.<sup>123</sup>

Pada 3 Oktober 1993, Kontinjen Pasukan Pengaman Malaysia telah menerima arahan dari Markas UNOSOM II untuk melaksanakan operasi menyelamatkan pasukan 'Tindak Cepat Rangers' Amerika Syarikat yang telah terkepung oleh puak militia Farah Aided di Pasar Bakara di Mogadishu. Pasukan Rangers Amerika Syarikat telah cuba menyelamatkan rakan mereka sebanyak empat kali, namun semuanya telah menemui kegagalan. Apabila menerima arahan tersebut, kontinjen pasukan Pengaman Malaysia telah menyediakan 11 Pegawai, 103 LLP berserta 32 buah kereta perisai (*Armoured Personnel Carrier*) bagi melaksanakan operasi menyelamatkan tersebut. Apabila sahaja mereka menghampiri kawasan tersebut, mereka telah diserang hendap oleh puak Farah Aidid semasa dalam perjalanan ke misi tersebut. Mereka telah dihujani dengan peluru mortar, repal, bom tangan dan senjata penangkis kereta kebal (*AA Gun* dan *RPG*). Dalam suasana tembak-menembak untuk menyelamatkan askar-askar Amerika yang terperangkap, Prebet Aznan Awang telah terkorban dalam pertempuran tersebut dan sembilan anggota Pasukan Pengaman Malaysia telah cedera parah. Disamping itu empat daripada 32 kereta perisai Anggota (*Armoured Personnel Carrier-APC*) telah musnah ditembak oleh puak-puak bertelagah. Walau bagaimanapun misi ini telah berjaya menyelamatkan 88 nyawa tentera Renjer Amerika dari dibunuh oleh puak Farah Aidid. Pasukan Rangers Amerika Syarikat telah selamat dibawa keluar oleh Pasukan Pengaman

---

<sup>123</sup> . op.cit, 119. Leftenan Kolonel Mohd Halim bin Khalid.

Malaysia dari kawasan yang telah dikepung itu. Bencana yang dialami oleh pasukan Rangers Amerika Syarikat ialah 17 kematian dan 77 orang mengalami kecederaan. Bagi puak militia Farah Aided dianggarkan seramai 300-400 orang kematian dan 700-800 orang mengalami kecederaan.<sup>124</sup> Sehubungan itu, Kerajaan Malaysia telah menerima surat penghargaan dari Rumah Putih Amerika Syarikat yang telah diterjemahkan berbunyi seperti berikut:<sup>125</sup>

...kami amat menghargai keberanian dan ketabahan tentera Malaysia yang telah membantu menyelamatkan askar-askar Amerika Syarikat yang terbabit dalam peristiwa 3 dan 4 Oktober 1993. Mereka, serta semua negara lain yang telah berkorban dalam usaha kemanusiaan ini, telah mendapat penghargaan dari masyarakat antarabangsa dan rakyat Somalia...

Setelah penugasan MALBAT I Somalia di tamatkan, tugas tersebut telah diberi kepada MALBAT II pula di bawah pemerintahan Kolonel Radzi Ahmad dengan kumpulan batalion dari Batalion Ketujuh Rejimen Renjer Diraja (RRD). Sementara MALBATT III pula di bawah pemerintahan Kolonel Rosli Yusof dengan kumpulan batalion dari Batalion Ketujuh RAMD. Pelaksanaan tugas terus dilaksanakan seperti biasa sehinggalah misi UNOSOM II dimansuhkan akibat keadaan yang amat merbahaya di Somalia.

---

<sup>124</sup> Ibid.

<sup>125</sup> op.cit, 34. Leow Foo Chang, hlm. 48.

Misi PBB di Somalia merupakan salah satu misi yang gagal di antara misi-misi pengaman Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Ini kerana puak-puak yang bertelagah bukan sahaja melanggar perjanjian dengan sewenang-wenangnya, malah sentiasa mengancam nyawa dan harta benda Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu walaupun usaha kearah perundingan dilakukan oleh UNOSOM II dengan puak-puak yang bertelagah telah diadakan pada 1 November 1994. Namun keadaan di Somalia semakin tidak terkawal itu. Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu telah mengarahkan misi pengaman di Somalia di tamatkan sebelum berakhir mandatnya pada 31 Mac 1995.

Tugas pengunduran terup dari kawasan medan bukanlah satu perkara yang mudah, kerana ia sentiasa terdedah dari ancaman kepada keganasan puak bertelagah jika ia tidak dirancang dengan betul dan teratur. Sebagai pemerintah pasukan pengaman di Somalia, Panglima Angkatan Tentera Malaysia telah mengeluarkan arahan pengunduran bertarikh 24 November 1994 yang melibatkan ketiga-tiga perkhidmatan Angkatan Tentera Malaysia, iaitu Tentera Darat, Laut dan Udara. Disamping itu ia melibatkan kapal logistik dan terup-terup berikut iaitu Kapal Diraja (KD) Mahawangsa, KD Sri Indera Sakti, Gerup Gerak Khas (GGK) dan Pasukan Khas Laut (PASKAL) dimana terdiri 37 orang pegawai dan 378 Lain-Lain Pangkat yang dikenali *Operation United Shield*.<sup>126</sup> Selain dari pasukan Tentera Malaysia yang membantu dalam pengunduran terup-terup pengaman di Somalia, tentera-tentera dari negara ahli Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu lain juga telah dilibatkan seperti pasukan Tentera laut dari Amerika Syarikat, Itali,

---

<sup>126</sup> . Arahan 'Operation United Shield' bertarikh 24 November 1994. Arahan tersebut diperolehi dari Cawangan Operasi dan Latihan Markas Tentera Darat, KEMENTAH, Kuala Lumpur pada 23 September 2003.

Perancis, Great Britain dan Pakistan. Operasi tersebut telah selamat dilaksanakan pada 3 Mac 1995 pada jam 1100 malam.<sup>127</sup> Walaupun misi pengaman di Somalia merupakan salah sebuah misi yang gagal dalam sejarah penugasan PBB, namun kejayaan yang dicapai oleh kontinjen Malaysia amat besar diperolehi dari misi-misi pengaman Malaysia sebelum ini.

Dalam melaksanakan tugas-tugas pengaman di Somalia ini, apa yang diperhatikan ia hanya menumpukan tugas-tugas pengawalan lokasi dan membantu pihak bantuan kemanusiaan yang begitu minima. Tugas-tugas eksklusif seperti penguatkuasaan dan penangkapan puak-puak yang bertelagah dilakukan oleh *Quick Reaction Force (QRF)* dari pasukan Renjer Amerika. Namun UNOSOM II seolah-olah lebih berat kepada tugas-tugas penangkapan daripada membantu meningkatkan keperluan bantuan kemanusiaan. Negara yang telah lama dilanda kebuluran seharusnya dibaik pulih dengan seberapa segera kerana kekurangan keperluan asas membuatkan manusia bertindak diluar batasan. Malah pelaksanaan tugas-tugas bantuan kemanusiaan tidak direkodkan, begitu juga pelanggaran hak asasi kemanusiaan oleh puak-puak yang bertelagah tidak diambil berat sangat oleh UNOSOM untuk membendung perkara ini terus berlarutan. Semasa pihak UNOSOM melaksanakan tugas-tugas pengaman, masih ada lagi berlaku penghapusan kaum, pembunuhan, rogol, kecurian, rompakan, ugutan dan keganasan-keganasan lain.<sup>128</sup>

---

<sup>127</sup> . Laporan 'Operation United Shield' bertarikh 2 Januari 1995. Laporan ini diperolehi dari Cawangan Operasi dan Latihan Markas Tentera Darat, KEMENTERIAN, Kuala Lumpur pada 23 September 2003.

<sup>128</sup> . "Somalia Faces The Future: Human Rights in a Fragmented Society", Human Rights Watch, Washington D.C., Vol.7, No.2, April 1995, hlm-hlm 1 - 34.

## Masalah Dihadapi.


Misi pengaman PBB di Somalia merupakan satu penugasan yang begitu sukar dalam misi-misi pengaman Malaysia. Ini kerana kemasukan kontinjen Pengaman PBB masih tidak direstui oleh puak-puak yang bertelagah. Ini adalah berpunca dari puak penyokong Jeneral Farah Aidid. Oleh demikian ia telah menjadi satu masalah yang besar dalam pelaksanaan tugas. Namun pengalaman yang diperolehi oleh misi pengaman di sini merupakan satu aset yang besar bagi ATM dalam merancang untuk melaksanakan misi-misi pengaman berikutnya. Di antara masalah besar yang lain yang dihadapi oleh misi pengaman di Somalia adalah seperti bentuk muka bumi, puak-puak bertelagah, budaya dan adat resam setempat serta dominasi Amerika Syarikat.<sup>129</sup>

1. **Bentuk Muka Bumi.** Jarak perjalanan di antara Malaysia dan Somalia amat jauh, ianya dapat dihubungi dengan menggunakan jalan laut dan udara sahaja. Perjalanan menggunakan kapal terbang mengambil masa hampir 12 jam dan perjalanan menggunakan kapal laut mengambil masa hampir sepuluh hari. Oleh demikian penghantaran bekalan logistik perlu dilakukan dengan teratur dan dirancang dengan rapi. Bekalan logistik yang di bawa cukup untuk dua bulan dan akan diulang bekal setiap satu bulan sekali oleh pesawat udara TUDM yang menggunakan pesawat C130. Negara Somalia yang kekurangan bekalan makanan

---

<sup>129</sup> op.cit., 119. Leftenan Kolonel Mohd Halim bin Khalid.

### PETA 4. OPERASI PENGAMAN DI SOMALIA



Sumber: Peta No. 3952.20 Departmen Perhubungan Awam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu September 1996 Dalam Buku The Blue Helmets.

dan peralatan menyebabkan kontinjen Malaysia terpaksa membawa bekalan peralatan dari tanahair dalam kuantiti yang terhad.

Bentuk muka bumi yang bergurun serta berpadang pasir menyebabkan kenderaan dan peralatan memerlukan urus senggara yang begitu kerap. Kenderaan kereta kebal yang dibawa oleh kontinjen Malaysia sering mengalami kerosakan. Ini memerlukan kontinjen Malaysia membawa alat ganti secukupnya. Masalah ini dihadapi oleh kontinjen MALBAT I Somalia yang masih belum mahir dalam penyesuaian dengan keadaan iklim di Somalia. Namun masalah ini dapat diatasi oleh kontinjen MALBAT II Somalia dan berikutnya.

Keadaan yang terdedah tiada kawasan perlindungan, menyebabkan pasukan-pasukan pengaman PBB sering sahaja dihujani dengan peluru mortar. Namun keadaan kubu yang rapi dan langkah-langkah keselamatan yang ditekankan kepada semua anggota MALBAT telah dapat mengelakkan dari mengalami kemalangan jiwa. Di samping itu juga, sistem jalanraya yang masih ketinggalan memerlukan setiap anggota, terutamanya ketua-ketua kumpulan dan pemandu kenderaan mempunyai kemahiran membaca peta. Tanda panduan dan panduarah tempatan pula tidak boleh digunakan oleh mereka dalam menentukan tempat yang dituju itu tepat dan betul.

2. **Puak-Puak Bertelagah.** Walaupun pertelagahan kaum di Somalia berpunca dari pengikut Jeneral Farah Aidid dan Ali Mahdi, namun terdapat 12



parti-parti politik lagi yang mempunyai agenda masing-masing dalam mewakili kaum/suku bangsa dan fahaman masing-masing. Ia menjadi amat sukar bagi pasukan pengaman untuk memuaskan semua pihak dalam membuat satu keputusan walaupun pada dasarnya pihak atasan mereka telah bersetuju dalam menyelesaikan sesuatu masalah. Ia menjadi lebih rumit lagi apabila Amerika Syarikat mengambil tindakan yang diluar kawalan dan kehendak PBB. Contohnya insiden di Barkara Market, tentera Renjer Amerika Syarikat dalam misinya untuk menawan Jeneral Farah Aidid yang telah enggan bekerjasama dengan PBB dalam menyelesaikan masalah di Somalia. Apabila tindakan ketenteraan dilakukan kepada mereka sudah semestinyalah tindakbalas yang keras dilakukan oleh penyokong-penyokong Farah Aidid. Kontinjen pengaman Amerika Syarikat sering sahaja menjadi sasaran oleh penyokong Farah Aidid dan ia menjadi masalah pula kepada pasukan Malaysia kerana benderanya hampir serupa dengan bendera Amerika Syarikat. Kadang kala kontinjen Malaysia juga telah menjadi sasaran tembakan dan serang hendap dari kumpulan Farah Aidid yang menyangkakan bendera Malaysia yang dikibarkan di kenderaan-kenderaan MALBAT adalah bendera Amerika Syarikat. Pada hakikatnya penyokong-penyokong Farah Aidid amat mengalu-galukan kedatangan tentera kontinjen Pengaman Malaysia, malah Jeneral Farah Aidid tidak ada masalah untuk diajak berunding oleh pegawai-pegawai dari kontinjen pasukan Pengaman Malaysia.<sup>130</sup> Kejadian di Barkara Market merupakan satu kesilapan yang dilakukan oleh penyokong Farah Aidid kerana tindakan tersebut diambil pada waktu malam. Namun sebaik sahaja mereka menyedari bahawa tentera penyelamat yang datang

---

<sup>130</sup> Ibid.

itu dari kontinjen Tentera Malaysia, maka mereka berundur dan pasukan Renjer Amerika Syarikat yang terkepung itu telah dapat diselamatkan.

3. **Budaya Dan Adat Resam Setempat.** Budaya dan adat resam setempat perlu difahami dan dihormati oleh kontinjen-kontinjen pasukan pengaman sekiranya mereka ingin melaksanakan tugas pengaman dengan selamat dan teratur. Ia telah menjadi perkara asas dalam penugasan PBB dan ia sentiasa dipatuhi oleh setiap anggota kontinjen pasukan Pengaman Malaysia. Contohnya masjid dan tempat-tempat ibadat sangat dihormati oleh mana-mana pengikut agama di dunia ini. Jika berlakunya pencabulan terhadap adat resam dan budaya setempat, pasukan pengaman akan menerima padahnya sebagaimana yang terjadi kepada pasukan Pengaman Pakistan yang menodai salah seorang gadis tempatan di Mogadishu, akhirnya pasukan tersebut telah di serang hendap.<sup>131</sup> Pasukan pengaman perlu memahami dan menghormati ketua-ketua puak yang bertelagah walaupun usia ketua puak yang bertelagah tersebut lebih muda dari mereka. Michael Durant yang merupakan pemandu helikopter Amerika Syarikat yang telah ditangkap dan menjadi tahanan puak Farah Aidid masih ingat apa yang dikatakan oleh Jeneral Farah Aidid kepadanya yang berbunyi "...When you don't live here, you can't understand what's going on in this country. You Americans have tried to help. But at one point things turned bad...".<sup>132</sup>

---

<sup>131</sup> .

Ibid.

<sup>132</sup> .

op.cit, 114. J.Chopra, A.Eknes dan T.Nordbo.

4. Dominasi Amerika Syarikat. Walaupun pada dasarnya Jeneral Aboo Samah dari Malaysia yang menjadi pemerintah tertinggi pasukan pengaman di Somalia, namun menjadi dasar tentera Amerika Syarikat bahawa anggota pasukannya tidak menerima arahan dari mana-mana panglima tentera dalam melaksanakan sebarang operasi ketenteraan. Mereka sering sahaja mengambil tindakan bersendirian tanpa pengetahuan dan kelulusan pemerintah tertinggi tentera pasukan pengaman PBB di Somalia. Tersebut dalam satu tulisan, *The United States and Peacekeeping: Can It Work?*, bahawa ...the fact that the UN Leader of the Somali mission was American, the mission was commanded by Americans, and the ill-thought out proposal to find Aidid was sponsored by the US Ambassador to the UN. What when wrong?...<sup>133</sup> Ini membangkitkan permusuhan di antara puak yang bertelagah dengan pasukan pengaman dari Amerika Syarikat. Contohnya kejadian pada 3/4 Oktober 1993 telah menyebabkan dua buah helikopter tentera Amerika ditembak jatuh, 17 nyawa terkorban tidak termasuk seorang tentera Malaysia yang turut terkorban, sementara 88 orang tentera Amerika Syarikat telah dapat diselamatkan oleh kontinjen pengaman dari Malaysia.<sup>134</sup> Ini menunjukkan betapa marahnya puak-puak yang bertelagah terhadap tindakan yang melampau oleh kontinjen pengaman dari Amerika Syarikat. Sehingga pada 31 Mac 1994, Presidennya William Clinton mengarahkan tenteranya berundur dari bumi Somalia. Keadaan genting

---

<sup>133</sup> Ibid.

<sup>134</sup> op.cit., 119. Leftenan Kolonel Mohd Halim bin Khalid .

dan berbahaya ini pernah disuarakan oleh Duta Amerika Syarikat di Kenya dengan mengatakan:<sup>135</sup>

...Somalia a `tar baby,...Somalis, as the Italians and British discovered to their discomfiture, are natural-born guerrillas. They will mine the roads. They will lay ambushes. They will launch hit-and-run attacks...

## **Kejayaan.**

Walaupun pelaksanaan tugas pengaman PBB di Somalia dikategorikan sebagai tugas pengaman yang gagal oleh PBB, namun bagi kontinjen pasukan pengaman Malaysia di Somalia dikategorikan sebagai satu lagi kejayaan yang telah diukir oleh kontinjen Pengaman Malaysia. Kejayaan ini dapat dinilai dalam erti kata kejayaan menguruskan urusan logistik yang jaraknya begitu jauh serta kelicinan dalam pengendalian tugas di Somalia. Kontinjen pasukan Pengaman Malaysia menghadapi risiko yang rendah berbanding dengan pasukan-pasukan pengaman dari Amerika Syarikat, Pakistan dan beberapa negara lain yang sama-sama melaksanakan tugas pengaman. Ini kerana kejayaan mereka dalam memenangi hati rakyat dan puak-puak yang bertelagah. Keberanian dan kebijaksanaan kontinjen pasukan Pengaman Malaysia dalam mengendalikan operasi menyelamatkan Renjer Amerika Syarikat bukan sahaja mendapat pujian dari Rumah Putih, Amerika Syarikat malah telah dapat mendedahkan

---

<sup>135</sup>. op.cit, 82. C.Thornberry.

bahawa ATM merupakan satu pasukan pengaman yang begitu terlatih dan professional dalam melaksanakan tugas pengaman kepada negara-negara lain di dunia ini.

Kebijaksanaan dan kemampuan Jeneral Aboo Samah bin Aboo Bakar dalam menguruskan operasi pengaman dan menarik keluar kontinjen pasukan pengaman PBB dari Somalia dalam keadaan huru hara itu merupakan satu kejayaan yang nyata dilakukan oleh anak watan Malaysia. Ini kerana operasi pengunduran bukanlah satu operasi yang mudah kerana pergerakan pengunduran mereka terdedah dari kemarahan dan ancaman puak-puak yang bertelagah pada masa itu. Kebijaksanaan dan kenangan manis yang ditinggalkan oleh kontinjen pasukan Pengaman Malaysia, telah membolehkan syarikat-syarikat gergasi Malaysia seperti Petronas dan Tenaga Nasional Malaysia melabur dengan selamat dan beroperasi di negara tersebut pada waktu ini. Malah hubungan luar Malaysia/Somalia terus terjalin erat walaupun tugas-tugas pengaman tidak lagi dilaksanakan di bumi tersebut.

## **Kesimpulan.**

Sebagaimana yang telah ditetapkan oleh Piagam PBB, penugasan pasukan Pengaman PBB mestilah direstui oleh semua pihak. Jika samar-samar dan masih ada puak yang enggan menerima kehadiran pasukan pengaman, nescaya sesuatu tugas pengaman tersebut amat sukar dilakukan dan mungkin akan menerima kegagalan, sebagaimana yang terjadi kepada pasukan pengaman PBB di Somalia. Saranan ini juga

telah dinyatakan oleh Gareth Evans dalam bukunya *Cooperating for Peace* dengan menyatakan :<sup>136</sup>

...UN forces should not be introduced unless it is agreed that they will remain as long as necessary for the establishment of conditions allowing for sustained relief, rehabilitation and reconstruction activities to continue on their withdrawal...

Peperangan saudara yang berlaku di Somalia menjadi rumit kerana disebabkan perebutan kuasa politik yang mutlak oleh Farah Aidid dan Ali Mahdi. Campurtangan yang dilakukan oleh Amerika Syarikat dan Soviet Union dalam membantu dua puak majoriti yang bertelagah ini telah merumitkan dan memanjangkan pertelagahan kaum di Somalia. Sekiranya bantuan ketenteraan, peralatan dan sokongan moral dihentikan serta merta sudah pasti sekatan senjata dapat diuruskan dengan berkesan oleh pasukan pengaman PBB dan nescaya puak-puak yang bertelagah tidak mendapat bekalan seterusnya untuk meneruskan perjuangan mereka.

Amerika Syarikat tidak seharusnya mendahului segala tindakan yang dilakukan oleh PBB dan ia seharusnya bekerjasama dan memberi bantuan dan komitmen yang ikhlas dalam melaksanakan tugas-tugas pengaman. Malah seharusnya pasukan pengaman dari Amerika Syarikat boleh didakwa atas jenayah perang sebagaimana yang dikatakan oleh Andrew Pervis "...US-led, UN-ordered, attack qualifies as a war crime under the Geneva Conventions because it targeted civilians without offering the prospect of

---

<sup>136</sup> . G. Evan, Cooperating for Peace. Allen & Unwin Pbt Ltd, St. Leonards, Australia, 1993, hlm.100.

concrete and direct military advantages...".<sup>137</sup> Dalam kes pengaman di Somalia ini, dua keadaan yang menyebabkan tugas pengaman menjadi gagal, iaitu pertamanya PBB telah meletakkan tawaran penangkapan ke atas Jeneral Aidid sebanyak USD 25,000.00 dan keduanya tugas pengaman hanya ditekankan ke atas perlucutan senjata puak yang bertelagah. Ini menyebabkan tugas pengaman menjadi tugas tentera pengempur dan tindakan yang lebih agresif dilakukan terhadap puak yang bertelagah yang dikenali dalam istilah PBB *enforcement force* (pasukan penguatkuasaan). Charles Dobbie ada mengatakan dalam bukunya *A Concept for Post-Cold War Peacekeeping* yang menyatakan:<sup>138</sup>

...if a peacekeeping force crosses the impartiality divide from peacekeeping to peace enforcement. If perceived to be taking sides, the force loses its legitimacy and credibility as a trustworthy third party, thereby prejudicing its security. The force's resources will then become ever more devoted to its need to protect itself. It actually joins the conflict it was there to police and is likely to become embroiled in activities that are irrelevant to the overall campaign...Once on the other side, there is very little chance of getting back and the only way out is likely to be by leaving the theatre...

Kegagalan operasi pengaman di Somalia bukan sahaja terletak di bahu Amerika Syarikat, malah PBB sendiri sepatutnya juga dipersalahkan kerana UNOSOM I diluluskan oleh Majlis Keselamatan pada April 1992. Sehingga pada Disember 1992 hanya 564 orang pasukan pengaman sahaja dihantar ke negara tersebut sedangkan seramai 3,500 orang yang telah diluluskan. Kelewatan PBB menghantar pasukan

---

<sup>137</sup> . A.Pervis, "The Somalia Syndrome", *Time Europe*, Peterson. Vol.155, No.20. 22 Mei 2000.

<sup>138</sup> . *op.cit.*, 82. C.Thornberry.

pengaman ini membuatkan Majlis Keselamatan terpaksa membenarkan Amerika Syarikat menghantar pasukan mereka dan mengetuai UNITAF.<sup>139</sup> Dalam *Year in Review 1996: United Nations Peace Missions*, Willie Curtis ada juga mengatakan:<sup>140</sup>

...United Nations peace-keeping operations in Bosnia-Herzegovina, Rwanda and Somalia from 1991 to 1995 revealed the agonizing problems that peace-keepers face when their instructions for keeping peace and imposing peace become blurred; and when they expect to assume tasks for which they are not mandated, organized or equipped...

Krisis pemerintahan di kawasan operasi misi pengaman ini juga berlaku kepada kontinjen Itali. Mereka hanya menerima arahan dari Kerajaan sendiri dan tidak melalui pemerintah Pasukan UNOSOM II,<sup>141</sup> ini membuatkan rangkaian pemerintah UNOSOM gagal berfungsi dengan baik dan berkesan. Batalion-batalion yang ditugaskan dalam pasukan pengaman ini sering sahaja enggan mematuhi arahan dari Markas Pemerintah PBB di Somalia. Contohnya batalion dari *United Arab Emirates* (UAE), Arab Saudi, Kuwait dan Jerman yang sering bertindak sedemikian dengan mengemukakan berbagai-bagai alasan. Jerman mentafsirkan mandat yang diberi untuk mengawal sekitar kawasan kemnya sahaja, dan ia tidak boleh ditugaskan di luar kawasan yang diarahkan oleh Markas PBB di Somalia. Begitu juga kontinjen pengaman dari Australia pula yang hanya menerima perintah dan arahan dari Canberra sahaja. Oleh sebab mandat yang begitu samar-samar, ini membuatkan pemerintah pasukan tentera Pengaman di Somalia

---

<sup>139</sup> . *op.cit*, 58. E.D.J Plante.

<sup>140</sup> . W.Curtis, "The Grey Zone: The United States and the Illusory Zone Between Peacekeeping and Peace Enforcement", *US Naval Academy*, Annapolis, Maryland US, Vol. XVIII No.1. Spring 1998, hlm.5.

<sup>141</sup> . *op.cit*, 58. E.D.J Plante.



menghadapi masalah dalam melaksanakan tugas.<sup>142</sup> Jeneral Aboo Samah yang mengepalai pasukan tentera pengaman di Somalia sepatutnya diberi masa dan peluang untuknya mengembalikan keamanan yang mutlak di Somalia. Keadaan cuaca/iklim/bentuk muka bumi/adat resam dan keadaan hidup di Somalia telah menjadi satu pengajaran kepada kontinjen pengaman Malaysia, pasukan-pasukan pengaman yang lain dan juga kepada masyarakat dunia amnya. Tanpa persediaan dan perancangan yang rapi, sudah pasti tugas pengaman yang berada jauh dari negara sendiri akan mengalami kesukaran untuk ditadbir dengan licin dan berkesan. Tambahan pula jika sumber-sumber logistik dan peralatan sukar diperolehi di kawasan misi dan negara-negara jiran yang berhampiran dengan kawasan misi. Ini memerlukan tempat dan stok simpanan yang mencukupi sekurang-kurang dalam tempoh 60 hari sebelum ulang bekal seterusnya dilaksanakan.

Kegagalan operasi pengaman di Somalia pada keseluruhannya disebabkan dasar luar dan tindakan yang melulu oleh Amerika Syarikat dalam menangani isu di Somalia. Dalam *Book Review United Nations Peacekeeping Africa Since 1960* yang dibahaskan oleh Walter Dorn ada mengatakan "...The UN will continue to be engaged in Africa for decades to come in the vital but difficult task of peacekeeping...".<sup>143</sup> Ada pula mengatakan bahawa Farah Aided tidak bersetuju dengan Boutros Boutros-Ghali dan James O.C. Jonah yang pada masa itu menjadi wakil khas Setiausaha Agung PBB di bahagian Kajian dan Pengumpulan Maklumat PBB (ORCI) di Somalia atas sebab peribadi. Mereka berdua ini dianggapkan oleh Farah Aidid bersekongkol dengan Presiden

---

<sup>142</sup> . *op.cit*, 114, J.Chopra, A.Eknes dan T.Nordbo.

<sup>143</sup> . W.Dorn, A book review: United Nations Peacekeeping Africa Since 1960 [Internet,http://www.un.org/Depts/pkeep.htm](http://www.un.org/Depts/pkeep.htm). Carleton. 2003.

Somalia yang digulingkan, iaitu Siad Barre, yang menyebabkan beliau dipecat dan dilantik menjadi duta di India semasa pemerintahan Siad Barre. Keadaan ini juga menyebabkan pasukan Rangers dari Amerika Syarikat ditugaskan untuk menangkap Farah Aidid setelah rancangan tersebut dipersetujui oleh PBB atas desakan Amerika Syarikat dengan mengeluarkan Resolusi Majlis Keselamatan 837 (waran tangkap ke atas Farah Aidid).<sup>144</sup> Maka dalam hal ini juga PBB dan Amerika Syarikat sepatutnya dipersalahkan kerana tidak telus dan adil dalam melaksanakan tugas pengaman di Somalia. Vicenc Fisas telah membuat kesimpulan tentang kegagalan pasukan pengaman di Somalia dalam bukunya dengan mengatakan:<sup>145</sup>

...The failure of United Nations peacekeeping forces in Somalia has been attributed to ... the lack of clear criteria of reaching political agreement between the rival parties, ignorance of the historical context and the social reality of the area of operation, confusion between 'peacekeeping' and peace-enforcement, poor preparation, total unsuitability or lack of neutrality on the part of some of the people taking part in the operation...

---

<sup>144</sup> . *op.cit.*, 114. J.Chopra, A.Eknes dan T.Nordbo.

<sup>145</sup> . V.Fisas, *Blue Geopolitics: The United Nations Reform and the Future of the Blue Helmet*, Pluto Press London, 1995, hlm-hlm. 70-71.